

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN

BILANGAN 4 TAHUN 2020

PEMBERIAN DISKAUN KHAS KE ATAS BAYARAN PREMIUM BAGI PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH PAJAKAN TANAH

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 9/2020 yang bersidang pada 22hb April 2020 telah menimbang kertas Bilangan 9/2020/D 7 (105) telah membuat keputusan meluluskan Pemberian Diskaun Khas Ke Atas Bayaran Premium Bagi Permohonan Pelanjutan Tempoh Pajak Tanah.

2. Bagi tujuan pengiraan bayaran yang bakal dikenakan setelah diskoun khas ini diberikan, Pentadbir Tanah Jajahan hendaklah mengambilkira perkara-perkara berikut:

2.1 Kadar Premium

Kadar premium adalah berdasarkan pengiraan sebagaimana Dasar Pelanjutan Tempoh Pajak Tanah Sebelum Tamat Tempoh Pajak Sebenar sebagaimana Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kelantan Bilangan 1 Tahun 2016 dan Dasar Pelanjutan Tempoh Pajak Melebihi Tempoh Pajak Asal Bagi Tanah Bermilik mengikut Seksyen 90A dan 204D Kanun Tanah Negara 1965 sebagaimana Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kelantan Bilangan 8 Tahun 2019.

2.2 Peratusan Nilai Pasaran

2.2.1 Peratusan Nilai Pasaran bagi tanah-tanah **kategori bangunan** dalam Pekeliling PTG Bilangan 1 Tahun 2016 **dipinda** mengikut kesesuaian semasa kepada **40%** tanpa mengira jumlah tempoh pajak yang dimohon. Kadar ini **terpakai sehingga suatu arahan baharu dikeluarkan** oleh Pihak Berkuasa Negeri.

2.2.2 Harga Pasaran adalah termasuk apa-apa pemajuan yang terdapat diatas tanah tersebut dan hendaklah sebagaimana ditaksirkan oleh Pentadbir Tanah Jajahan atau Penilai Hartanah Berlesen atau mana-mana pihak yang difikirkan perlu oleh Pentadbir Tanah.

2.3 Kadar Diskaun

Kadar Diskaun yang diberikan kepada pemohon-pemohon adalah sebanyak **30% (Tiga Puluh Peratus)** daripada jumlah premium yang dikenakan. Langkah pengiraan jumlah bayaran selepas premium adalah sebagaimana lampiran A.

3. Tempoh Perlaksanaan


- 3.1 Diskaun ini akan diberikan kepada pemilik tanah yang membuat permohonan Pelanjutan Tempoh Pajakan Tanah pada bermula 1hb Mei 2020 sehingga 30hb April 2021.
- 3.2 Bagi permohonan yang dibuat sebelum 1hb Mei 2020, pemberian diskaun ini masih boleh dipertimbangkan jika permohonan tersebut belum lagi diangkat untuk mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.
- 3.3 Kelulusan pemberian diskaun hanya diberikan jika bayaran dijelaskan dalam tempoh yang dinyatakan di para 3.1 sahaja. Mana-mana permohonan yang tidak menjelaskan dalam tempoh tersebut, kelulusan pemberian diskaun bagi permohonan tersebut akan terbatal dan pemohon dikehendaki membayar dengan jumlah asal sebelum diskaun.

4. Perwakilan Kuasa Melulus

Semua permohonan Pelanjutan Tempoh Pajakan hendaklah diangkat kepada Pihak Berkuasa Negeri. Walaubagaimanapun bagi permohonan Perlanjutan Tempoh Pajakan Tanah bagi tempoh **tidak lebih 15 tahun**, Kuasa Melulus telah diwakilkan oleh Pihak Berkuasa Negeri kepada Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kelantan dibawah Seksyen 13 Kanun Tanah Negara 1965 dan seksyen 8 Ordinan Perwakilan Kuasa 1956. Oleh yang demikian, Pentadbir Tanah Jajahan hendaklah menyediakan kertas kerja berdasarkan perwakilan kuasa tersebut.

5. Pentadbir Tanah Jajahan hendaklah seberapa segera memproses semua permohonan dan mengangkat kepada Pihak Berkuasa Melulus yang berkenaan. Walaubagaimanapun, bagi kes-kes tertentu yang difikirkan wajar oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan, permohonan bolehlah diterima dan diproses di peringkat Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan seterusnya dikembalikan kepada Pejabat Tanah Jajahan untuk tindakan selepas kelulusan bagi tanah-tanah dibawah pegangan Pejabat Tanah.

6. Pekeliling ini berkuatkuasa serta-merta dan Pentadbir-Pentadbir Tanah hendaklah melaksanakan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 9/2020 sebagaimana yang telah ditetapkan.



DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL D.P.S.K (*kelantan*), K.M.N

Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan

KEPADA:

Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. Ybrs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTADARULNAIM**

**FAIL : PTG.PKP 1/3/2 Jld 18(5)
BERTARIKH: 17 MEI 2020**

CONTOH PELANJUTAN TEMPOH PAJAKAN TANAH

Bangunan Kediaman

1. Nilai Pasaran : RM 200,000.00
(bersekali dengan bangunan di atasnya)
2. Tempoh pajakan yang telah digunakan / : 25 tahun
hendak dimohon
3. Jumlah Diskaun : 30 %
4. Formula pengiraan premium mengikut Pek 1/2016 ialah :

$$= 0.005 \times (\text{Peratusan Nilai Pasaran} \times \text{harga pasaran tanah semasa}) \times \text{tempoh Lanjutan}$$

$$= 0.005 \times (40\% \times \text{RM } 200,000) \times 25 \text{ tahun}$$

$$= 0.005 \times \text{RM } 80,000 \times 25$$

$$= \text{RM } 10,000.00$$
5. Bayaran Premium selepas diskaun

$$= \text{RM } 10,000.00 - 30 \%$$

$$= \text{RM } 7,000.00$$

Bangunan Perniagaan/Industri

1. Nilai Pasaran : RM 1,000,000.00
(bersekali dengan bangunan di atasnya)
2. Tempoh pajakan yang telah digunakan / : 25 tahun
hendak dimohon
3. Peratusan Harga Pasaran (Pek 1/2016) : 50%
4. Jumlah Diskaun : 30 %
4. Formula pengiraan premium mengikut Pek 1/2016 ialah :

$$= 0.01 \times (\text{Peratusan Nilai Pasaran} \times \text{harga pasaran tanah semasa}) \times \text{tempoh Lanjutan}$$

$$= 0.01 \times (40\% \times \text{RM } 1,000,000) \times 25 \text{ tahun}$$

$$= 0.01 \times \text{RM } 400,000 \times 25$$

$$= \text{RM } 100,000.00$$
5. Bayaran Premium selepas diskaun

$$= \text{RM } 100,000.00 - 30 \%$$

$$= \text{RM } 70,000.00$$